

## **PENDEKAR BUJANG LAPOK, DEMONSTRASI DAN OPORTUNIS JALANG!**

Oleh : Jentayu

Pendekar Bujang Lapok adalah sebuah filem arahan Allahyarham Tan Sri P Ramlee yang diterbitkan pada 1959 dan telah memenangi Festival Filem Asia Pasifik pada tahun berikutnya. Setelah hampir setengah abad filem tersebut menggeletak dan menghiburkan hati jutaan insan, mahakarya P Ramlee itu sebenarnya meninggal 1001 mesej yang amat dekat dengan nurani masyarakat. Filem tersebut telah merentas zaman yang jauh terkehadapan daripada zaman ia diterbitkan. Terdapat beberapa babak yang mempunyai kaitan dengan situasi negara kita hari ni. Penghuraian babak-babak dalam filem ini menerjah fikiranku tatkala buku "Membedah P Ramlee" telah habis kuhadam. Antara babak menarik yang ingin dikongsikan ialah babak Ramli, Sudin dan Ajis mengambil kesempatan terhadap kebangkitan orang ramai di penambang..

Ketika mana api kemarahan meluap-luap muncul pula tiga pemuda iaitu Ramlee, Sudin dan Ajis yang meniupkan api kebangkitan warga penambang untuk bangkit merusuh di penambang. Seperti mana yang ditonjolkan di dalam babak tersebut, ia dapat dikaitkan dengan senario yang berlaku pada hari ini. Anak muda merupakan sosok hebat untuk menggerakkan sebuah kebangkitan. Menyedari hal ini, pihak pembangkang telah meniupkan sentimen dalam kalangan anak muda dan mahasiswa melalui slogan-slogan yang populis dan menawan hati anak muda yang dahagakan pemberontakan. Darah muda sememangnya inginkan sesuatu yang radikal, maka sebagai pihak yang berpengalaman dalam gerakan demonstrasi pelajar era 70an, ia menjadi sesuatu yang mudah untuk membangkitkan semangat pemberontakan. Bertepatan dengan falsafah, untuk menentang serigala kita perlu guna serigala maka solidariti anak muda sangat diperlukan untuk bangkit melawan kerana idealism yang dimiliki oleh orang muda segar ketika zamannya. Saat yang paling kritikal dalam babak ini yang bertepatan dengan situasi hari ini ialah mereka yang meniupkan api kebangkitan ini hanya mementingkan diri mereka sendiri sahaja dan meninggalkan lapangan kebangkitan untuk kepentingan mereka sendiri.

Ia dibuktikan pada babak bila mana Ramli, Sudin dan Ajis yang meniup semangat kebangkitan dan apabila api kebangkitan menyala dengan marak mereka

meninggalkan medan kebangkitan dengan lari menaiki sampan bertiga sahaja dan Ajis sempat mencuri wang tambang sampan di penambang. Mereka hanya membiarkan sahaja orang lain bergaduh di penambang. Tidak cukup dengan itu mereka juga mentertawakan mereka yang bergaduh di penambang dan boleh melambai tangan sebagai tanda selamat tinggal semasa menaiki sampan untuk meninggalkan penambang. Hal ini boleh disamakan dengan situasi hari ini. Apabila pemimpin pembangkang meniupkan api kebangkitan untuk kepentingan politik mereka semata mata tanpa mementingkan orang lain yang berjuang di bawah. Orang bawahan biasanya akan dicandukan dengan sedikit isu yang membawa kemarahan mereka kepada kerajaan.

Setiap kali demonstrasi diadakan, penganjur demonstrasi akan tidur di hotel mewah, dihidangkan makanan yang lazat dan hanya akan hadir sebentar sahaja di medan demonstrasi. Namun, orang kebanyakan yang menyertai demonstrasi tidur di tepi jalan, dalam kereta, makan nasi bungkus di tepi longkang dan di kaki lima kononnya atas nama perjuangan, tetapi ia adalah perjuangan yang sia-sia.

Begitulah realiti masa kini yang ditonjolkan dalam babak ini dalam filem Pendekar Bujang Lapok. Mereka yang meniupkan api demonstrasi hanya demi memuaskan serakah dan kepentingan diri semata mata dan menjadikan orang lain dan anak muda khususnya yang menyertai demonstrasi sebagai balaci mereka semata mata .

[#Jentayu](#)

[#BuildTheNation](#)